

# Khidmat bakti USIM di Australia

USAHA untuk mendedahkan pemimpin-pemimpin pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan budaya luar negara terus dipergiatkan dalam usaha untuk menjana pemikiran kreatif, kritis dan berpandangan jauh serta mewujudkan budaya pengantarabangsaan di kalangan warga kampus di negara ini.

Menyedari hakikat itu, pelajar program komunikasi USIM akan menganjurkan program khidmat bakti dengan komuniti Islam dengan menganjurkan lawatan akademik ke Gold Coast, Australia pada 18 hingga 23 Ogos depan.

Bertemakan *Bridging the Gap* program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa USIM menerusi aktiviti berbentuk khidmat masyarakat di bawah kerjasama komuniti *Islamic Society of Gold Coast* (ISGC) dan Hani Prime Skills Academy Sdn. Bhd, Yayasan Al-Iman, Lembaga Urusan Tabung Haji dan DarulSyak.

Antara objektif lawatan itu ialah mewujudkan platform bagi mengadakan aktiviti pengajian tajwid, program dan interaksi di peringkat antarabangsa di samping penganjuran majlis gotong royong, jualan amal dan sukan rakyat Malaysia bersama komuniti Islam di Gold Coast.

Program ini turut membantu ISGC untuk mengumpul dana bagi membantu membangunkan pusat riadah, masjid dan surau melalui jualan amal barangan produk beridentiti Malaysia seperti batik, kraftangan dan tudung abaya.

Menurut Penyelia Program, Norhayati Rafida Abdul Rahim, seramai 13 mahasiswa yang terdiri daripada pelajar komunikasi terlibat dalam program itu.

“Lawatan ini memberi peluang kepada mahasiswa USIM mengetahui sistem komuniti Islam di Australia secara amnya dan secara khususnya.

“Kita didedahkan dengan budaya masyarakat Islam di Australia seterusnya melihat perkembangan industri dan institut pengajian dalam konteks ilmiah di negara berkenaan. Saya juga yakin pendedahan ini dapat memberi nilai tambah tentang kehidupan masyarakat Islam di Gold Coast kunci kepada perpaduan merentasi benua yang berbeza,” katanya.